

Teknologi terkini menggesan glaukoma

→ Perisian baharu mampu jejak petanda awal masalah penglihatan, kerosakan saraf

Oleh Halina Mohd Noor

halina_mdnoor@bh.com.my

Glaukoma adalah 'pencuri mata' senyap hingga menyebabkan pesakit mengalami buta kedua-dua belah mata akibat tidak mengalami sebarang petanda.

Ketiadaan petanda atau gejala menyebabkan glaukoma sering gagal dikesan lebih awal dan lazimnya pesakit hanya datang mendapatkan rawatan selepas berada pada tahap serius.

Jabatan Oftalmologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM PPUKM) memperkenalkan perisian baharu bertujuan mengesan penyakit glaukoma pada peringkat lebih awal.

Dikenali sebagai 'Glaucoma Module Premium Edition' diperkenalkan baru-baru ini untuk mesin optikal koheren tomografi (SD-OCT). Teknologi ini mengukur lapisan saraf optik, lapisan gentian saraf retina dan analisa ketidakse-

imbangan bahagian mata.

Ketua Jabatannya, Prof Madya Dr Jemaima Che Hamzah, berkata perisian itu berupaya mengesan kerosakan pada lapisan saraf dengan lebih awal walaupun pesakit mengalami 10 peratus kerosakan.

Hindari kerosakan lebih teruk

Pada kebiasaannya kerosakan fungsi mata hanya boleh dikesan selepas pesakit mengalami kerosakan sebanyak 40-50 peratus, dengan perisian ini, kerosakan dikesan lebih awal walaupun sedikit.

Pengesanan awal berupaya memperlambatkan proses kerosakan mata dengan lebih teruk dan mencegah risiko buta menerusi rawatan mengurangkan tekanan pada mata dengan menggunakan ubat khas.

Selain itu, jabatan itu turut memperkenalkan mesin Ultra Q Reflex Multimodality

Yag Laser bagi merawat masalah objek terapung (floater) menerusi kaedah tanpa pembedahan.

Perunding Kanan Oftalmologi, Perkhidmatan Vitreoretinal, HCTM PPUKM, Prof Dr Mae-Lynn Catherine Bastion, berkata mesin berkenaan berbeza dengan mesin lama.

Rawatan elak kesan sampingan

Rekaan ini kata beliau, digabungkan dengan kanta lekap khas bagi menghilangkan floater tanpa sebarang kesan sampingan.

"Floater adalah gejala yang dialami segelintir pesakit yang mana mereka nampak seakan objek terapung seperti bintik hitam, nyamuk atau cacing yang terbang di dalam penglihatan mereka.

"Sebelum ini, pesakit hanya mampu membiarkan saja keadaan yang dialami atau menjalani pembedahan gel di dalam mata. Kini keadaan itu boleh dirawat tanpa pembedahan," katanya.